

## Merungkai Rahsia Mistik Kehidupan Etnik Murut Paluan dalam Mitos Tumbuhan

### Revealing Mystic Secret of Murut Paluan Life in Plant Myths

JACQUELINA KARIMON & SHAIFUL BAHRI MOHD. RADZI

#### ABSTRAK

*Tumbuhan mencengkam bumi, menjulang langit. Teguh dan setia antara sifat tumbuhan yang berbeza daripada manusia dan binatang. Tidak berganjak walaupun bencana mendatang tetap anggun dan merimbun menjadi sumber kehidupan yang penting bagi kehidupan bumi. Keistimewaan ini menjadikan pokok sering di sorot sebagai lambang kepada unsur kehidupan. "Tree of life" itulah yang sering menjadi simbol kepada tumbuhan terhadap pengaruhnya kepada kehidupan manusia. Pokok kehidupan ini mempunyai mitosnya yang tersendiri bagi masyarakat Murut Paluan di Nabawan. Mitos pokok yang mistik terhadap manusia menjadikan pokok sebagai tempat permulaan kepada kehidupan. Walaupun kisah autentik ini dilihat hanya berunsur khayalan namun isi ceritanya masih dipercayai. Berdasarkan kepada cerita-cerita mitos maka terpampang keyakinan bahawa tumbuhan mempunyai alasannya untuk menyembuhkan manusia. Sehubungan itu, sebagai masyarakat yang masih mempercayai kepercayaan tradisional, mitos terhadap tumbuhan merupakan salah satu mitos yang sangat signifikan dalam kehidupan mereka. Justeru untuk merungkai kepercayaan masyarakat Murut Paluan ini proses dokumentasi cerita mitos dijalankan secara lapangan dan Aki Tuntunungan sebagai penyebar cerita. Kajian perpustakaan juga dilakukan sebagai sokongan kepada analisis makalah ini. Sumbangan penting semua isi cerita ini disokong oleh seorang manusia yang mempunyai kepakaran dan dipanggil sebagai Babalian. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan bagaimana tumbuhan suci membentuk kepercayaan komuniti Murut agar mempunyai ikatan yang baik dengan sekelilingnya.*

*Kata kunci:* Tumbuhan suci; mitos; kepercayaan; alam ghaib; Murut Paluan.

#### ABSTRACT

*Plant take hold of the earth, lift up the sky. Firm and loyal are the characteristics of plants that are different from humans and animals. It does not budge in the coming disaster, it remains graceful and lush in being an important source of life on earth. This speciality often highlights the plant as a symbol of the element of life. "Tree of Life" is a symbol of the plant and its influence on human life. The tree has its own myth among the people of Murut Paluan who live in Nabawan. In this sense, the myth of trees brought to man a mystical narrative that saw the tree as the starting point of life. Based on the myth, there is evidence that shows the plant's ability to heal human beings. Therefore, as a society that still believes in traditional beliefs, the myth of plants is considered to be one of the most important aspects of their daily lives. Thus, to clarify this belief of Murut Paluan, the process of documenting myth stories is carried out with Aki Tuntunungan appointed as the storyteller. Library research has also been conducted in support of this research analysis. Important contribution from the stories show that there is a good organic knowledge and strong ties between the Murut Paluan community and their surroundings.*

*Keywords:* Plant; myth; belief; supernatural world; Murut Paluan

#### PENGENALAN


Murut merupakan etnik unik. Murut boleh didapati di kepulauan Borneo. Perkembangan dunia globalisasi telah mengubah banyak budaya manusia yang terpaksa melintasi zaman khususnya masyarakat Murut Paluan. Keunikan masyarakat Murut semakin tertonjol apabila tradisi mereka masih bertahan

walaupun terpaksa berjalan selari dengan era moden. Elemen pengekalan ini sangat bergantung kepada bentuk geografi. Kajian Rutter (1922: 47) menyatakan, bahawa, jika dibuat perbandingan antara etnik Murut dan Dusun, etnik Dusun, lebih mudah berkomunikasi dan berubah disebabkan kedudukan mereka yang berdekatan dengan pantai dan terdedah kepada pencerobohan asing. Situasi

ini telah memberikan kesedaran yang penting untuk berhubung dengan kelompok lainnya. Kawasan petempatan masyarakat Murut jauh daripada kawasan bandar. Suatu ketika dahulu, kehidupan mereka yang sangat bergantung kepada hutan dan hidup di kawasan tanah tinggi dan rendah telah banyak memisahkan kelompok masyarakat orang Murut di Pulau Borneo. Tulisan Owen Rutter (1922: 32) menyatakan bahawa faktor lain yang menjadi sebab kepada perpecahan ini ialah masyarakat Murut suka menyebut pengenalan dirinya berdasarkan kepada kumpulan kecil iaitu berdasarkan sub etnik seperti Tahol. Nama sub etnik ini selalunya terbentuk daripada nama sungai berdekatan yang mereka diami. Sistem sempadan aliran sungai juga menjadi sebab kepada perpecahan mereka kepada kelompok-kelompok. Ini juga telah menyebabkan mereka mengasingkan diri daripada orang tanah tinggi (bukit).

Susur-galur Murut berasal daripada suku Dayak. Suku Dayak merupakan suku yang tinggal di pedalaman kepulauan Borneo. Penyebaran suku ini sangat luas dan terdiri daripada sub suku yang banyak. Jika diperhatikan di pedalaman Kalimantan sahaja terbahagi sehingga 405 suku kecil. Tjilik Riut (1993), Dayak Murut sahaja terbahagi dalam suku dan tiga suku tersebut terdapat 44 suku persamaan budaya dalam lingkungannya. Etnik Murut merupakan salah satu etnik yang ramai mendiami kawasan pedalaman Sabah. Mereka hidup dengan

cara yang tidak seragam kerana perbezaan dialek dan hidup secara berselerak mengikut kelompok sub etnik. Bentuk muka bumi di pedalaman Sabah yang berhutan tebal memberi pengenalan kepada etnik Murut yang mahir menjalankan kegiatan memburu dan memegang pelbagai kepercayaan warisan. Penyebaran etnik Murut telah bermula di seluruh selatan Sabah dan beberapa bahagian utara Kalimantan. Semua sub etnik itu termasuklah, Tahol (Tagal), Timugon, Paluan, Bookan (Baukan), Gana, Murut Keningau, Murut Beaufort, Murut Kalabakan, Okolod (Kolod), Murut Selungai (Salungai), Murut Sembakug (Sambahung) dan Murut Serudung. Semua kumpulan Murut di atas dikenali sebagai Murut Tenggara atau Murut Tangara dari kawasan Inarad di hulu sungai Kinabatangan yang dikatakan bertutur dalam dialek daripada bahasa Bookan (Rutter 1922: 52; Cecelia Leong 1982: 17; Tjilik Riut 1993: 234). Pembahagian ini termasuklah etnik Kadazandusun telah juga digolongkan dalam suku Dayak yang terdapat 8 sub (Tjilik Riut 1993: 250). Masa kini terdapat tiga daerah terbanyak yang diduduki oleh masyarakat Murut iaitu daerah Keningau seramai 29,682 orang, Tenom 29,169 orang dan Nabawan 25,096 orang serta selebihnya 18,446 orang adalah sebaran ke daerah lain yang terdapat di Sabah menjadikan jumlah keseluruhan penduduk Murut di Sabah ialah 102,393 orang. Populasi ini menjadikan majoriti masyarakat Murut tinggal di pedalaman Sabah.



RAJAH 1. Jumlah terbesar masyarakat Murut berdasarkan tiga daerah di Sabah.

Sumber: Jabatan Perangkaan Sabah 2018

## SOROTAN KAJIAN

Kajian mendalam terhadap cerita rakyat (folklore) Murut Paluan di Sabah masih lagi belum dilakukan secara meluas. Sehubungan itu, tidak banyak kajian yang bersifat ilmiah difokuskan ke atasnya kecuali minat dan usaha sekadar mengumpul dan mendokumentasikan semua cerita dalam bentuk buku atau naskhah. Pengumpulan ini pula dilakukan dengan mencampurkan semua cerita Murut yang tidak jauh beza dengan sub etnik Murut yang lain di Sabah. Boleh dikatakan semua cerita yang dikutip merupakan cerita yang umum diketahui oleh sub etnik Murut yang lain. Hal ini disebabkan kebanyakan pengkaji hanya mengejar waktu untuk menyelamatkan beberapa tinggalan cerita rakyat (folklore) yang masih ada untuk didokumentasikan seberapa banyak yang mungkin. Justeru, tidak terdapat kajian secara mendalam terhadap cerita mitos Murut di Sabah.

Jika ditelusuri kajian terhadap aspek-aspek yang berkait rapat dengan *world-view* dan kepercayaan masyarakat di Sabah telah banyak menarik pengkaji Barat. Pengkaji seperti Evans (1923), King dan King (1990), Hurlbut (1992) dan Owen Rutter (1922) merupakan pengkaji Barat yang sempat memuatkan banyak cerita mitos. Kebanyakan cerita mitos adalah mengenai orang Dusun. Dalam buku *Pagans of North Borneo* telah memuatkan mengenai kelompok masyarakat Murut. Beliau juga menulis mitos yang bertajuk *The Dragon of Kinabalu and other Borneo Stories*. Williams (1965) yang mengkaji mengenai kisah penceritaan Legenda Kinabalu yang menyentuh kisah asal-usul masyarakat Dusun. Kajian Williams (1969) diteruskan dengan membuat pendedahan menarik mengenai ciri-ciri tradisional dan kebudayaan masyarakat Dusun dalam kajiannya *A Childhood: Enculturation in Dusun Society*. Salah seorang pengkaji Barat yang mengakui bahawa tradisi lisan di Sabah masih hidup dalam masyarakatnya ialah Whelan (1970), beliau membuat kajian mengenai aspek sejarah, cara hidup dan kepercayaan masyarakat Kadazandusun.

Kajian mengenai pengumpulan cerita rakyat mitos dan legenda telah mendapat kerjasama antara pihak tempatan dan Barat. Pihak penulis Barat berjaya masuk ke kawasan pedalaman Sabah dan mula melakukan pendokumentasian mengenai cerita rakyat masyarakat Murut di Tenom iaitu sub etnik Murut Timugon. Terdapat pendokumentasian yang dilakukan oleh Leon Comber (1975), sejumlah 14 cerita yang telah dikutip dari kawasan Borneo Timur,

Malaysia, bagi tujuan kegunaan sekolah-sekolah. Cerita-cerita ini telah diadaptasi daripada cerita Brunei, Sarawak dan Sabah. Sebanyak 4 cerita telah dikutip dari Sabah. Perbendaharaan katanya adalah dikawal antara 1300-1500 patah perkataan dan diadaptasi oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah St. Francis Xaveir Keningau. Terdapat satu lagi usaha yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dari St. Francis Xaveir Keningau yang dimuatkan dalam buku bertajuk *Adat-adat dan Dongeng-dongeng di Sabah*. Terdapat 20 cerita yang telah dimuatkan dalam buku ini. Seorang lagi pengumpul cerita tempatan Sabah ialah Margeret M. Brooks (1961), Beliau telah memuatkan 10 buah cerita dalam 1 buku.

Brewis (1985) telah menerbitkan analogi cerita mitos dan legenda Sabah dalam buku terbitan yang bertajuk *Cerita Dongeng Sabah*. Buku ini merupakan terbitan Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah. Koleksi ini mengandungi empat buah cerita etnik Murut Timugon yang bertajuk *Tales and Traditions from Sabah*. Penghasilan kepada cerita ini dikatakan memakan masa yang agak lama kerana terdapat usaha untuk menterjemahkan cerita kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sebuah lagi buku yang mengandungi sebanyak 9 cerita rakyat yang telah dikumpul oleh Mohd. Nor Long (1978). Selain itu seorang lagi pengkaji bernama Marsh (1988) dalam antologi yang sama telah memuatkan tiga puluh satu buah cerita mitos legenda dan rakyat yang dikutip daripada masyarakat Kadazandusun dan Murut di daerah Tambunan, Keningau, Tenom dan Pensiangan.

Seorang pengkaji awal tempatan telah tampil iaitu Arena Wati (1978) telah menulis sebuah buku hasil penyelidikan beliau yang bertajuk *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Beliau merupakan pengkaji yang sangat teliti dengan mengambil semua sumber tulisan melalui cerita mitos dan legenda yang didengarnya menjadi inti pati tajuk buku beliau. Setiap huraian dalam buku beliau terdapat kaitan dengan dewa-dewi yang diperoleh hasil penceritaan. Sehubungan itu, buku beliau merupakan perintis penting dalam membuka laluan pengkaji baru untuk memulakan kajian berdasarkan kepercayaan masyarakat peribumi di Sabah.

Selain itu Rita Lasimbang (1990) telah memasukkan dua cerita rakyat daripada suku Kadazan yang terletak di Penampang. Pada tahun yang sama Abdul Halim Bandan (1999) turut serta dengan menggunakan pendekatan

sosiologi. Sebanyak 15 buah koleksi cerita untuk mengungkapkan dan mengenali jenis pola-pola sosiologi yang terdapat dalam unsur sosial termasuk aspek kepercayaan, pekerjaan, penggunaan masa, tingkah laku, keselamatan awam, pemikiran, moral dan keluarga, cita-cita, persekitaran, agama dan sebagainya dalam masyarakat Bajau di Sabah. Beliau seterusnya menunjukkan bahawa masyarakat Bajau memiliki ciri-ciri masyarakat yang sama seperti masyarakat Melayu. Pada tahun 1991 terdapat lima buah cerita suku Murut Tagal dikutip oleh Nygren (1991) dan Chong (1991) juga telah mengutip sepuluh buah cerita rakyat Sabah. Semua analogi sastera rakyat yang dikutip oleh pihak Barat diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Dua belas buah cerita pula berjaya dikutip oleh Moody (1993) daripada etnik Idahan di Sabah.

Menghampiri tahun 2000, seorang pengutip cerita tempatan Rita Lasimbang (1999) telah membuat lagu, satu usaha pengumpulan dan pendokumentasian cerita-cerita tempatan di Sabah. Hasil cerita-cerita yang dikumpulkan beliau banyak berkait rapat dengan mitos dan legenda masyarakat Kadazandusun. Dapatkan kajian beliau ini banyak menyumbang kepada cerita mitos dan legenda Sabah dalam 10 cerita yang berbeza dan menarik untuk dibaca. Kajian Jacinta Tangil (2001) membincangkan perkaitan antara puisi dengan sistem kepercayaan masyarakat tradisional Kadazandusun di Sabah. Beliau melihat bagaimana bentuk kepercayaan yang dipegang menyebabkan masyarakat tersebut percaya bahawa mereka perlu menyenangkan semangat di alam ghaib yang mereka percaya.

Kronologi kepada usaha membukukan cerita rakyat di Sabah memang suatu yang berat dan memerlukan usaha yang panjang. Cabaran linguistik dan geografi serta masa menjadikannya semakin rumit. Justeru seorang penulis iaitu Gidah (2001), telah menulis satu-satunya kajian ilmiah yang bersifat merentasi sempadan geografi dalam bidang sastera rakyat yang berdasarkan kepada mitos orang Kadazandusun di Sabah. Buku beliau bertajuk *Arkitaip-arkitaip dalam mitos Kosmogonik Masyarakat Orang Asli di Australia dan Orang Kadazandusun di Sabah*. Sungguhpun Gidah menggunakan tujuh cerita hasil dokumentasi pengkaji Barat terdahulu namun usahanya harus dipuji kerana telah mula membincangkan cerita rakyat(folklore) mitos Sabah sekali gus menonjolkan kepentingan dan peranan cerita mitos tersebut.

Low Kok On (2005) menggunakan kajian lapangan untuk mendapatkan persepsi orang

Kadazandusun terhadap aspek-aspek seperti kemunculan Tuhan, dewa-dewi, makhluk mitos diikuti dengan penciptaan alam semesta, asal-usul manusia pertama (*primordial man*), kosmologi, kepercayaan, tayyul, pembentukan suku, pembukaan petempatan baru dan unsur-unsur kehebatan nenek moyang Kadazandusun. Kajian ini telah melengkapkan kajian terdahulu oleh Barat dan menambah kekurangan kajian secara ilmiah kajian cerita mitos di Sabah. Low Kok On (2005) menambah usaha penyelidikannya melalui sebuah buku yang diterbitkan pada tahun 2005 bertajuk *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Beliau sekali lagi menggunakan persepsi dan sumber yang dikutipnya sendiri berdasarkan kajian lapangan. Dalam kajian ini Low Kok On menonjolkan watak Tuhan Kadazandusun sebagai pencipta alam semesta dan asal-usul masyarakat Kadazandusun. Kajian beliau mendapati bahawa kepercayaan orang Kadazandusun sebelum ini adalah bercirikan paganisme atau animisme. Namun beliau telah membuat penyangkalan bahawa masyarakat Kadazandusun telah mempercayai tentang dewa-dewi dan menyimpulkan masyarakat Kadazandusun mempunyai ketamadunannya tersendiri seperti masyarakat Yunani dalam sistem kepercayaan politeisme.

Antaranya, Hanafi Hussin (2003) pengkaji peranan Bombohizan dalam kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Penampang Sabah dan membincangkan mengenai peranan Bombohizan dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Penampang. Hasil kajian beliau menyatakan bahawa Bombohizan merupakan pengantara atau spirit medium, juga dipanggil sebagai *Shaman* yang satu ketika dahulu sangat dihormati dan disanjung. Kajian lain yang dijalankan oleh Hanafi Hussin (2006) menghuraikan bahawa perubatan ritual yang dijalankan oleh masyarakat ini memerlukan perkakasan seperti gendang sompopogunan dan tarian sumazau untuk melengkapkan acara persembahan monogit. Hubungan budaya ekspresif dengan identiti khususnya seni persembahan masyarakat Kadazan

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Marlenny Deenerwan (2014), yang menumpukan kajian penuh ke atas ritual yang dilakukan oleh *Bobolian*, beliau menggunakan teori persembahan untuk mengupas persembahan ritual sebagai satu bentuk persembahan. Musnin Misdiq (2017), membincangkan mengenai pemujaan semangat yang dikendalikan oleh *babalian* iaitu pakar pengubatan dalam Barasik. Gerak tari *barasik* ini

diperdayai mampu memuja makhluk halus yang mengganggu pesakit. Babalian akan bertindak *mansayau sambal* membaca jampi untuk mengubat pesakit lemah semangat, lemah seluruh badan dan demam. Jika dilihat perkakasan yang digunakan juga banyak menggunakan unsur tumbuhan seperti pinang, bunga-bunga, halia, sirih dan cekur sebagai penawar.

Secara umumnya cerita mitos di Sabah sangat kurang dikaji oleh penyelidik. Kebanyakan pengutip cerita menangguhkan hasrat dan mengambil masa mengupas dan tidak menulis secara ilmiah untuk dijadikan penulisan yang berbentuk penyelidikan. Walau bagaimanapun, usaha seperti ini tidaklah menolak perih pentingnya pendokumentasian. Kajian atau penelitian terhadap cerita rakyat (folklore) Murut khususnya cerita mitos amat diperlukan kerana kajian mengenainya pada masa ini masih pada tahap yang rendah. Penelitian ini penting bagi memahami sendiri kehidupan berbudaya etnik Murut Paluan. Terdapat kajian mengenai cerita rakyat (folklore) dalam masyarakat Dusun yang mempunyai peranan dan kaitan hampir sama dengan cerita mitos dalam konteks Murut di Sabah. Cara hidup yang hampir sama dan pemikiran yang banyak berkisar mengenai animisme iaitu pemujaan unsur-unsur semula jadi yang perlu dipuja dengan pengorbanan dan penyembahan adalah persamaan yang sangat dominan antara masyarakat Dusun dan Murut. Masyarakat Murut Paluan dalam makalah ini juga membincangkan pengaruh mitos dalam kehidupan mereka.

#### METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Kajian ini berorientasikan kajian lapangan dan disokong oleh kajian ilmiah kepustakaan. Penggunaan buku Low Kok Onn dan Arena Wati sebagai sumber dapatan bagi masyarakat Kadazandusun dalam perbandingan ini. Penelitian kajian cerita rakyat (folklore) ini merupakan penelitian dengan cara memerhati, menemui bual dan melakukan catatan lapangan berdasarkan temu bual. Alat rakaman audio seperti pita, *memory card*, alat perakam suara digital (*voice recorder*) dan perakam video (*handycame*) digunakan untuk memudahkan penyelidikan supaya maklumat yang dikumpul diambil secara sempurna yang mungkin. Pengkaji sebagai instrumen yang peka terhadap setiap reaksi informan dalam semua aspek keadaan untuk mengutip semua data. Oleh kerana menggunakan kajian etnografi (*ethnographic studies*) pengkaji

cuba memahami dan meneliti nilai budaya, cara hidup dan pegangan yang terkandung dalam cerita rakyat (folklore) yang dituturkan. Oleh itu, penyelidik sedaya upaya menggunakan informan iaitu *human instrument* untuk mengetahui nilai-nilai yang terdapat dalam cerita rakyat (folklore) masyarakat Murut. Masyarakat yang dikaji mengelar individu yang mahir dalam bidang ini dipanggil sebagai “*Aki Tutunungan*”. Kerja lapangan ini bertujuan untuk mengumpul data yang masih ada dalam memori informan. Pengkaji juga mengambil pendekatan perspektif etik dan emik. Teknik etik dan emik ini penting untuk memperoleh data-data yang seimbang semasa proses mengutip data di lapangan kajian bagi mengelakkan ketidakseimbangan data. Keseimbangan data penting untuk mencari penyelesaian kajian (Mohd. Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghadaffi Hanafiah 2015: 33-46).

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

##### UNSUR TUMBUHAN “POKOK PALUON”

Mitos dan manusia tidak dapat dipisahkan. Sebagai tradisi lisan terawal peradaban manusia ramai pengkaji mengemukakan definisi mereka tentang mitos yang berhubung kait dengan kepercayaan. Justeru, Bronislaw Malinowski (1971: 74) cuba menerangkan fungsi utama mitos kepada kehidupan primitif manusia. Beliau membuat kenyataan bahawa mitos merupakan suatu pegangan yang mengangkat, mengungkapkan dan merumuskan tentang kepercayaan. Kepercayaan itu sendiri menurut Malinowski adalah menjadi mekanisme untuk melindungi dan membentuk nilai moraliti yang kuat, menjamin keberkesanan upacara ritual dan menyediakan peraturan-peraturan yang mengawal kehidupan manusia. Kenyataan beliau ini mempunyai persamaan dengan seorang ahli antropologi bernama Freud yang mempercayai bahawa mitos memberikan sumber kepercayaan kepada keinginan dan kepercayaan kepada pemegang mitos (Ivan Strenski 1992: 10). Tanggapan mereka ini tidak menghairankan jika masyarakat buta huruf menganggap mitos sebagai pusat tumpuan kehidupan. Dalam erti kata yang lain, mitos itu dianggap kitab kehidupan yang mempunyai kedudukan tertinggi dan suci dalam menjadi panduan kehidupan manusia terdahulu.

Mitos Murut Paluan tidak mempunyai perbezaan yang sangat ketara dengan mitos yang lainnya. Gejala-gejala alam banyak diceritakan

dalam cerita mitos Murut Paluan memandangkan kehidupan masyarakat Murut Paluan masih dikelilingi oleh hutan. Sehubungan itu, plot cerita mitos ini menjadi sangat menarik kerana mempunyai hubungan dengan kehidupan dan alam ghaib. Versi cerita mitos masyarakat Murut Paluan menyatakan bahawa pada awal penciptaan dunia berada dalam keadaan panas kerana pada mulanya adalah permukaan batu dan menerima cahaya matahari berterusan. *Aki Kinapuno* menjadikan tanah dan melimpahkan air daripada air matanya untuk membuatkan bumi menjadi sejuk dan mampu dipenuhi oleh hidupan yang hidup seperti tumbuhan dan binatang. Tumbuhan dijadikan daripada benih-benih yang diambil daripada bulu-bulu badan dewa-dewi namun ditukar menjadi warna hijau (*alinsi*). Tumbuhan yang mengeluarkan makanan seperti padi, ubi, tebu, pucuk rotan besar (*imbalua*) dan paluon adalah tumbuhan yang diambil daripada dewa-dewi yang menghuni langit keenam. Mitos kosmologi Murut Paluan mendedahkan bahawa langit mempunyai tujuh lapisan yang mempunyai penghuninya (Temu bual: Karimon Lumaing 2019).

Tanaman buah-buahan pula, dicipta oleh *Aki Kinapuno* daripada dewa-dewi yang menghuni langit ketujuh dan mampu menghilangkan kelaparan manusia apabila berada dimana-mana saja (Temu bual: Azman Lungkung 2019). Tanaman-tanaman ini dipercayai mempunyai semangat dan sangat sensitif dengan perlakuan kesalahan yang dilakukan oleh manusia. Justeru, sesetengah cerita mitos masyarakat Murut Paluan mengetengahkan mengenai kesalahan perilaku manusia yang boleh menyebabkan tumbuhan tertentu tidak berbuah atau tidak tumbuh sama sekali. Bagi memujuk semangat tumbuhan suci ini, *Aki Kinapuno* akan mengorbankan penghuni langit lain untuk memujuk semangat tumbuhan yang telah menghilangkan diri. Versi cerita ini boleh didapati dalam cerita *Aru Kauli* yang telah diceritakan melalui temu bual oleh Musikin Ugau (2018):

*Jadi da galing poyo ak kunu, sambungi ku poyoh am... mengenai ra ra kono akanon. Ando giatu ansawo apo na anak ilo. Duandu anak dilo itu. Eyau, ngam-ngam sinumila lalaing itu. Ando bah makan dilo. Eyau. Kula bah iloh anu antanom. Ano bah anu sumila kanon iloh. Bilor am ando bah ajadi iyo. Mundok am ando ajadi iyo. Apoh bah anu itu ruandu am dala noyo bah. Anak itu am gino iloh. Paginupi bah anu itu kunu eh ungkuyun itu. "Asiga koh poyo ra sumila kanon muyun am gontobon muyun anak muyun itu am bakali ra umoh muyun ino." Kono kunu.*

*Eyau... ammm katawang ra susuba am ampikir buayoi itu am ano atak noh anak natu tapi bitil ngah noro aruol. Ando akanon. Katuluan naginupi kono gino jadi ano bah aarot noh bitil*

*noh. Luato bah kunu anak dilo itu am asah-asah pailang itu. Porompoyo ra anu itu tutuan itu am gontobo kunu. Pinatuliar noh andu natu. Inuoi ra anu da umoh. Alapoh no sor da anu itu ulu itu bakali da dalayoh, alapo noh sor da kukur noh anak dilo itu bakali ra dabubus. Laie noh bah nagi ra kono bah inantob ra taguan bilor niloh. Tinurun dilo bagu. Lingkut dilo, bilor dilo, mundok dilo bah kunu. Jadi atu bah kunu anu itu eii amis datu kono tabu gino bah kunu titi nu dala ili. Eyau bagu. Jadi gili ngah bagu. Ingalinai bah elioh bagu dala ili kunu Ei alu Kauli. Kuon dilo, gino ngah. Atu ak nagi "Aru kauli... kauli-uli bah bilor mai," kono. Abis gili nga ei Aru Kauli ginontob noh. Gitu nga koson kanon itu katurunan nu dala juga. Kono ei takau itu, atau Dusun itu pana amuja ra bilor itu nga ada katurunan noh juga. Eyau ei Aru Kauli. Dusun itu poyoh Ei bambarayon itu.*

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Pada zaman dahulu, ada seorang suami isteri. Ketika mereka menghadapi krisis makanan. Padi, ubi, buah-buahan dan segala jenis tanaman lain tidak menjadi. Pada suatu hari, tiba-tiba seorang budak telah muncul di depan suami isteri tersebut dan mereka memelihara budak perempuan itu yang diberi nama *Aru Kauli*. Semakin hari budak tersebut menjadi semakin meningkat remaja. Bapa kepada gadis tersebut bermimpi, dalam mimpiannya dia bertemu dengan seseorang yang memberitahuinya dan berpesan. Susuk tubuh itu yang hadir dalam mimpiinya dipercayai *Aki Kinapuno* supaya jika mereka inginkan makanan. Mereka perlulah mengorbankan anak mereka dengan membunuhnya.

Pada keesokan harinya, bapa kepada anak gadis ini berfikir dan berat hatinya untuk berbuat seperti dalam mimpiinya. Namun kelaparan yang dialami mereka sudah terlalu lama dan sangat menyakitkan serta membawa penderitaan yang tidak dapat ditahan dan dikawal lagi. Setelah bermimpi selama tujuh hari mereka tidak dapat menahan kelaparan mereka. Bapa kepada gadis tersebut mengasah pedangnya. Dia mengambil alu iaitu tempat menumbuk padi dan meletakkan anak gadisnya di atas alu dan memotong kepalanya. Dia telah mengambil kepala anak gadis tersebut dan membuangnya ke hulu dan bahagian kakinya dibuangnya ke hilir. Kemudian dia terkejut melihat perubahan yang berlaku pada sekelilingnya apabila mendapati padi-padi mereka tumbuh subur dan berbuah. Gadis tersebut diberi nama *Aru Kauli*. Sehingga sekarang masyarakat Murut Paluan apabila mereka ingin menanam padi atau menanam tanaman mereka akan meminta *Aru Kauli* kerana mereka percaya makanan manusia mempunyai kaitan dengan keturunan *Aku Kauli*.

Kisah pengorbanan sebegini adalah kisah yang tidak jauh daripada kisah mitos yang dimiliki oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah. Penciptaan tumbuhan suci telah merakamkan sifat hormat dan ingin memuliakan tumbuhan tersebut kerana memiliki semangat ketuhanan. Penciptaan tumbuhan sebegini juga telah memberikan sikap ketakutan dan kebimbangan untuk mempermain-mainkan atau membazir makanan yang berdasarkan kepada tanaman yang dianggap suci.

Mitos masyarakat Murut Paluan menyatakan bahawa lelaki dan perempuan yang membuka kawasan yang besar dan menanam tanaman ini akan mendapatkan jodoh yang baik. Mereka juga digelar

orang yang memiliki kerajinan yang luar biasa dan mempunyai gelaran yang baik dan mulia. Mereka selalunya akan dilawati oleh orang-orang yang berasal daripada langit untuk menjadikan mereka suami atau isteri. Kerajinan bagi masyarakat Murut Paluan melambangkan maruah seorang wanita atau lelaki. Versi cerita begini dapat dilihat dalam berapa versi cerita yang menceritakan mengenai sifat dan nilai moral yang bertentangan iaitu sifat malas dalam cerita yang bertajuk *Pagigipalan ri Gayuan* yang telah diceritakan oleh informan melalui temu bual (Musikin Ugau 2018).

Sinopsis cerita ini menceritakan mengenai anak-beranak yang pemalas. Gayuan merupakan bapa kepada anak-anaknya yang berjumlah sepuluh orang, anak-anaknya terdiri daripada lelaki dan perempuan. Setiap kali kampung tempat mereka tinggal mengadakan *rogop* (gotong-royong) Gayuan akan memberikan alasan hendak pergi berburu. Namun pada waktu makan Gayuan dan anak-anaknya akan pergi ke acara gotong-royong tersebut. Penduduk kampung sangat kecewa dengan sikap Gayuan dan anak-anaknya dan mereka pun mengambil keputusan untuk meninggalkan keluarga Gayuan. Gayuan dan anak-anaknya pun mati kelaparan kerana tiada tempat makan. Mereka tidak tahu membuka kawasan untuk menanam padi, ubi dan tanaman lain.

Walaupun cerita di atas bukan tergolong dalam cerita mitos namun mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan kisah penciptaan tumbuhan suci untuk diurus dan ditanam oleh manusia yang rajin supaya mendapat makanan. Martabat manusia turut diangkat dan diketengahkan dalam mengetengahkan elemen kesucian tanaman ini. Ciri-ciri tersebut juga memberikan gambaran bahawa *Aki Kinapuno* mempunyai alasan mencipta tumbuhan sebagai ciptaan suci yang berasal daripada langit. Tumbuhan seperti padi dan ubi dikatakan sangat membantu manusia terutama apabila kekurangan makanan. Menurut informan temu bual (Karimon Lumaing 2019), tumbuhan suci ini dikatakan boleh mendengar manusia terutama apabila manusia marah atau bercakap sesuatu yang tidak baik mengenai tanaman tersebut. Kesannya tanaman tersebut tidak akan tumbuh atau tidak akan mengeluarkan buah.

Selain itu, antara tumbuhan yang dianggap suci dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Murut Paluan ialah pokok paluon. Pokok paluon seperti yang diceritakan oleh informan, adalah daripada spesies pohon sagu atau rumbia namun pokok rumbia batangnya berwarna merah, pokok

paluon pula berwarna putih dan kehijauan (temu bual: Karimon Lumaing 2020). Memandangkan pokok ini mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan harian mereka maka pokok ini telah diambil namanya sebagai nama panggilan sub etnik Murut “Paluan”. Selain itu, menurut temu bual Musikin Ugau, (2019), bahawa pokok padi dan ubi merupakan pokok yang sangat berharga dan datang daripada tubuh badan dewa. Misalnya, ubi kayu mempunyai versi ceria yang suci dalam mitos masyarakat Murut Paluan kerana dikatakan berasal daripada badan seorang perempuan dari kayangan yang telah dikorbankan supaya menjadi pokok ubi yang tumbuh dan mempunyai isi untuk dimakan oleh manusia. Masyarakat Murut menjadikan ubi kayu sebagai salah satu makanan rugi dijadikan sagu untuk dimakan.

Versi mitos masyarakat Murut Paluan menyelitkan bahawa terdapat tumbuhan yang sangat sakral dan mempunyai hubungan dengan pengorbanan manusia suci dan dewa-dewi. Peranan tumbuhan dalam masyarakat Murut Paluan sangat berkaitan. Murut Paluan mendapat namanya iaitu daripada seponoh pokok yang dianggap sangat berguna. Dalam masyarakat Murut Paluan pokok ini dianggap “suci”. Tidak hairanlah jika Carlot (1971: 328), membuat catatan bahawa dalam berbagai-bagi jenis budaya, pokok sering dijadikan sebagai lambang “kehidupan” untuk menggambarkan keseluruhan kosmos. Sehingga hari ini setiap pokok yang dianggap suci merupakan pokok dari syurga yang dibawa oleh para-dewa dewi.

Sebagai perbandingan, terdapat banyak tumbuhan yang sangat berguna dalam masyarakat Murut Paluan yang dianggap diturunkan daripada syurga yang mampu menyembuhkan manusia daripada penyakit. Koleksi mitos Kadazandusun dalam William (1960: 99), menjadikan pokok nunuk ragang sebagai kisah yang menceritakan mengenai asal-usul masyarakat Dusun di daerah Tambuanan. Dikatakan bahawa pokok nunuk ragang merupakan pokok yang besar yang juga dikenali dengan nama pohon “Ara”, pokok yang berakar banyak dan berjuntai ke bawah tanah. Pokok ini selalunya mengeluarkan banyak buah yang akan dijadikan tempat binatang berkumpul untuk memakan buahnya. Penceritaan ini memaparkan bahawa tuhan atau dewa menurunkan banjir besar untuk menghukum manusia yang telah melupakan daratan dan hanya menyelamatkan satu keluarga yang diketuai oleh Muhgumbul. Pokok nunuk ragang telah berfungsi seperti pokok paluon dalam

masyarakat Murut Paluan yang menyelamatkan nyawa manusia daripada bencana. Namun plot cerita mitosnya adalah berbeza.

Dalam cerita tersebut Muhgumbul telah bermimpi bahawa dia telah disuruh oleh tuhan atau dewa untuk menebang pokok tersebut. Pada keesokan harinya dia telah mengikuti kata tuhan itu dan membawa kapak untuk menebang pokok tersebut namun tidak berjaya. Pada keesokan harinya Muhgumbul telah bermimpi lagi dalam mimpi tersebut Muhgumbul telah disuruh untuk membuat satu perangkap yang bergelung-gelung untuk diletakkan di tepi pokok. Muhgumbul tidak menolak dan mengikuti apa yang dikatakan oleh tuhan itu kepadanya. Usahanya itu tidak sia-sia apabila seekor landak telah masuk dalam perangkapnya. Muhgumbul telah membunuh landak itu dan membasuh kapaknya menggunakan darah landak dan air. Setelah berbuat demikian barulah Muhgumbul dapat menebang pokok nunuk ragang tersebut. Cerita ini membawa maksud bahawa pokok nunuk ragang merupakan pokok yang suci seperti cerita yang pernah dicatatkan oleh William (1960: 105):

*“God told him that that had been made to cut down the sacerd tree because he had not gone from under the shelter of the tree to build a house as a man should for his family. The next day Muhgumbul began to build a house for his family, as God had told him. From ashes of the felled tree, on that same day there began to grow shoots of the foods called rice, yams, tapioca and tobacco. There good foods were given to Muhgumbul for doing as God wished.”*

Pokok nunuk ragang yang digambarkan sebagai sumber makanan kepada keluarga Muhgumbul seperti menjadi padi, ubi kayu, keladi dan tembakau telah membuatkan pokok ini sangat dihormati. Kisah penceritaan di atas juga mempunyai persamaan dengan pokok paluon yang serba guna daripada akar hingga ke hujung daunnya. Jika dilihat cerita mitos Murut juga turut menyerap mengenai pokok nunuk ragang yang sangat dimuliakan oleh masyarakat Kadazandusun. Mereka percaya bahawa “Nunuk Taragong” atau nunuk ragang merupakan sebutan untuk nama anak ketujuh daripada sepasang suami isteri yang telah pergi ke suatu tempat yang bernama Nunuk Taragong. Anak ketujuh itu dipanggil Pisod sempena sebutan “Nunuk Taragong”. Permulaan ini mengisahkan Kimbalu iaitu anak kepada sepasang suami isteri yang bernama Nanangkis dan Babalayon, apabila dia telah dewasa dia memohon izin kepada kedua orang tuanya untuk berhijrah ke

Nunuk Taragang dan telah mendapat tujuh orang anak.

Terdapat banyak versi cerita yang memuliakan tumbuhan sebagai sumber alam yang banyak berjasa kepada manusia. Jika dilihat dalam mitos-mitos dunia banyak mengaitkan tumbuhan dengan kehidupan manusia. Bumi asal segala kehidupan. Bumi merupakan tempat manusia mengembangkan budayanya. Memandangkan perjalanan seorang manusia adalah di alam dunia maka sebagai manusia yang berakal, manusia berhak mencari asal-usulnya. Bermula dengan kisah penceritaan yang diwarisi, mitos dianggap mampu mengungkapkan pertanyaan penciptaan awal dunia. Kisah penciptaan ini dianggap kepercayaan. Kepercayaan tradisional atau kepercayaan warisan yang diangkat sebagai khazanah budaya demi rantaian generasi dalam sebuah kehidupan masyarakat. Salah satu kepercayaan warisan yang diwarisi oleh masyarakat Murut Paluan hari ini ialah cerita mitos yang menyimpan kisah penciptaan awal dunia. Kisah penciptaan dunia sangat berkait rapat dengan kosmologi dunia. Marcela Eliade (1972: 36) membincangkan dalam bukunya:

*“The few example we have given make easier to perceive the relation between the cosmogonic myths and origin myths. First and most important is the fact that the origin myth frequently begins with a sketch of the cosmogony. The myth briefly summarizes the essential moments of the creation of the world and then goes on to relate the genealogy of the royal family or the history of the tribe or the history of the origin of sicknesses and remedies and so on”.*

Perbincangan di atas menyatakan bahawa kisah penciptaan dunia selalunya disajikan dengan permulaan sketsa mitos kosmologi yang mempunyai hubungan dengan kisah raja, sejarah suku, sejarah penyakit dan sebagainya.

Seandainya dibandingkan dengan dapatan asal pengetahuan manusia mengenai penciptaan, masyarakat Murut Paluan mempunyai keunikannya yang tersendiri dalam merungkai rahsia alam. Penceritaan alam sekitar telah banyak memberikan identiti cerita penciptaan asal-usul yang berbeza daripada kisah penciptaan yang lain. Masyarakat Murut Paluan percaya pengetahuan mereka bermula daripada seponoh pokok. Kisah tumbuhan yang diangkat sebagai penghubung segala asal pengetahuan merupakan sumber primer bagi masyarakat Murut. Selain itu, naluri masyarakat Murut tradisional yang mempunyai keinginan tinggi mula melakukan amalan ritual untuk mengetahui rahsia sekeliling mereka. Perlakuan ritual ini menjadi

fenomena yang biasa bagi kehidupan masyarakat mempelajari dan berlatih untuk mencari jawapan alam. Sesudah mengetahui jalan cerita penciptaan dunia maka manusia mula membentuk satu aksi tindakan yang boleh dipersembahkan kepada alam sekeliling mereka.

Maklumat diperoleh daripada informan kajian menjelaskan bahawa segala pengetahuan masyarakat Murut Paluan bermula daripada sepohon “pokok paluon” untuk membongkar dan mengetahui rahsia sekeliling mereka (temu bual: Muskin Ugau 2018). Oleh itu, pokok paluon merupakan salah satu medium penghubung antara mereka dengan alam ghaib dan sangat erat menduduki kepentingan kehidupan mereka dalam konteks sosial dan kepercayaan. Kedudukan pohon paluon ini adalah istimewa dan sangat dihormati sehingga nama ‘paluon’ itu dijadikan nama untuk masyarakat Murut Paluan. Perintis awal pengetahuan daripada pohon paluon ini melalui proses penebangan. Pokok ini perlu ditebang supaya mendapat segala manfaatnya (temu bual: Muskin Ugau 2018).

Lantaran itu, minda peribumi Murut Paluan mengetengahkan bahawa pohon suci ini hanya akan berfungsi jika disentuh dan dimanfaatkan. Namun berbezanya dengan kisah yang terdapat dalam Kitab suci Kristian:

“Lalu Tuhan Allah memberi perintah ini kepada manusia: Semua pohon dalam taman ini boleh kau makan buahnya dengan bebas tetapi pohon pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat itu, janganlah kau makan buahnya, sebab pada hari engkau memakannya, pastilah engkau mati.”

Kejadian 2: 27 dan Islam menyatakan bahawa ada sepohon pokok yang tidak dibenarkan untuk disentuh kerana dianggap melanggar peraturan tuhan. Justeru, sebaliknya bagi masyarakat Murut Paluan iaitu usaha seperti menebang pokok ini akan dilakukan dan didahulukan dengan pembacaan jampi agar manfaatnya dapat dimaksimumkan. Setelah itu mereka akan memotong dan menjadikan bahagian-bahagian kecil dan panggilannya berubah, dikenali sebagai “*luba*”. Bahagian kecil inilah yang akan disimpan kemudian dibacakan ayat tertentu untuk memohon petunjuk dan dijadikan sebagai rujukan kepada sub etnik Murut Paluan bagi mendapatkan jawapan atas kejadian alam dan penyakit yang berlaku di sekitar mereka. Seorang pakar pencerita yang dikenali sebagai *Aki Tuntunungan* (temu bual: Muskin Ugau 2018) menceritakan kehebatan pokok paluon sebagai sumber pengetahuan kepada


masyarakat Murut Paluan. Keadaan tersebut dapat digambarkan berdasarkan penceritaan teks yang berikut:

*Galing ili poyoh takau ra galling ando bomoh takau. Gitu nga bomoh takau ra galling ili. Ra galling ili kunu ri takau ando akarati ra Kinapunoh. Ragu ilo ayuk ei Aki Kaulung tapi andu namuku ri silo. Tau mu ra galling. Ulun ra galling ili ando sikul ilo jadi bila ilo aruanan ando pakibalaan ilo bokon, gitu luba itu. Pasal luba itu oyola paking atulai ra anu tutu nu Tanah itu. Numbur satu tulai natu natok nano akan. Numbur dua buri nano panampakan ra tinalasi, panampakan ra mamata, panampakan ra kium, ah... punu nano aaakan. Alapon mu natok nano dawoo... duihh ra punu nano asug ko ayuk. Alapon mu anu nano bakat nano. Aalapo ra pitol, ajadi poh ra pangakat mu ra papait. Pamimikit mu ra kain, gino banang nano. Jadi paling bah lat natu gitu luba natu. Untuk nu luba natu saikang-ikang nu buayoi. Sapukon poyo matoi. Katutulai nu ralaa, ra asandong kono sapukon poyo am matoi. Ah... kono ak nu kium, lunguyan pana, bambalas pana sapukon pana am matoi. Gitu alapon ra tuu lair ili ra pakibalaan dilo.*

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Jika dulu kita tidak mempunyai bomoh. Inilah bomoh kita dulu. Dulu masa kita mengerti siapa *Kinapuno*. Kata mereka *Aki Kaulung* tapi tiada yang memberi tahu mereka. Untuk pengetahuan kita dulu tiada sekolah jadi apabila mereka sakit tiada tempat lain untuk diberitahu. Ini saja luba ini. Kerana luba ini mempunyai kemuliaan tumbuh di bumi ini. Pertama mulianya sagunya kerana boleh dimakan, kedua pelebahnya digunakan untuk meletakkan tinalasi (beras yang dihancurkan), tempat meletakkan sayur dan binatang buruan. Umbutnya juga boleh dimakan. Mereka mengambil sagu dan membuat umbutnya sebagai sup untuk di makan bersama. Akarnya dijadikan sebagai tali dan boleh dijadikan sebagai penangkap ikan. Digunakan juga untuk menjahit pakaian. Dan paling kuat adalah bahagian lubanya. Sekuat-kuat buaya, jika disumpit boleh mematikan. Semulia-mulia perempuan cantik jika disumpit akan mati. Macam binatang seperti babi besar akan mati. Orang dulu-dulu mengambil luba ini sebagai tempat bertanya.

Memandangkan masyarakat Murut Paluan zaman dahulu tidak mempunyai banyak pengetahuan mengenai alam sekeliling. Kepercayaan mereka yang berpegang kepada animisme dan pagan telah menyebabkan mereka mempunyai cara pandang berbeza terhadap objek-objek yang mereka perhatikan. Oleh itu, sebagai pengikut animisme mereka meletakkan kepercayaan kepada objek seperti kayu, pokok, sungai, batu dan alam semula jadi yang mempunyai semangat dan roh. Cara pandang begini telah memberikan bukti kukuh tentang kepercayaan mereka terhadap semangat yang dimiliki oleh pokok paluon. Tidak hairanlah mereka meletakkan kebergantungan pengetahuan mereka kepada pokok tersebut.



GAMBAR 2. Gambaran pokok Paluon yang menjadi sumber fungsional tempat masyarakat awal Murut Paluan bergantung. Pokok ini dijadikan untuk mendapatkan luba sebagai sumber pengetahuan masyarakat awal Murut Paluan. Pokok ini seolah-olah sebatang pokok kelapa atau rumbia

*Sumber:* Berdasarkan imaginasi informan dan ilustrasi pengkaji

Bentuk luba yang diambil adalah bersaiz 2 hingga 3 inci dan diraut secara bentuk silinder. Saiz yang kecil ini adalah bertujuan supaya mudah disimpan dan dibawa ke mana saja sebagai simpanan mereka. Mereka percaya luba penting dibawa bersama sebagai sumber pengetahuan dan rujukan. Masyarakat Murut Paluan percaya bahawa setiap musuhnya menyimpan luba tersebut dipercayai boleh membuatkan orang di sekeliling mereka keteguran atau disampuk (*asangor*). Mereka berpendapat adalah sangat penting membawa luba ini bersama dalam keadaan tertentu agar dapat menjadi penawar dan merawat diri dengan segera. Peranan luba juga adalah untuk mengetahui adakah sesuatu keadaan itu bakal berlaku atau tidak berlaku untuk mengelakkan malang. Luba tersebut akan diletakkan di atas air dan jari akan memukul bekas air tersebut untuk melihat adakah luba tersebut akan bercantum. Jika bercantum maka jawapan atas sesuatu pertanyaan adalah “ya” namun jika tidak bercantum maka jawapan tersebut adalah “tidak”.

Penceritaan ini membayangkan bahawa permulaan penceritaan penciptaan awal masyarakat Murut Paluan adalah berbeza dengan masyarakat Kadazandusun. Berdasarkan kepada cerita di atas


Masyarakat Murut Paluan telah dipengaruhi oleh sepojon pokok yang hampir mempunyai peranan seperti “pohon pengetahuan” yang terdapat dalam perjanjian lama Alkitab orang Kristian. Istilah pohon pengetahuan ini terdapat dalam Alkitab Kristian yang menceritakan setelah manusia perempuan bernama Hawa memakan buah tersebut maka terbukalah matanya terhadap baik dan jahat. Ayat tersebut ialah:

“Berfirmanlah Tuhan Allah: “Sesungguhnya manusia itu telah menjadi seperti salah satu dari Kita, tahu tentang yang baik dan yang jahat maka sekarang jangan sampai dia menghulurkan tangannya dan mengambil pula dari buah pohon kehidupan itu dan memakannya, sehingga dia hidup untuk selama-lamanya.”

Lalu Tuhan Allah mengusir dia dari taman Eden supaya ia mengusahakan tanah dari mana ia diambil. Ia menghalau manusia itu dan di sebelah timur taman Eden ditempatkan Nyalah beberapa kerub dengan pedang yang bernyala-nyala dan menyambar-nyambar, untuk menjaga jalan ke pohon kehidupan

(Kejadian 3: 22-24)

Perbandingannya ialah pokok ini diketahui lebih awal keberadaannya berbanding pencipta manakala bagi orang Kristian pencipta dahulu yang diketengahkan barulah pokok tersebut.



GAMBAR 3. Luba diletakkan di atas air untuk mengetahui jawapan atas pertanyaan yang diajukan kepada luba

Pokok yang dianggap mempunyai kemuliaan ini mempunyai pelbagai fungsi dan terdapat dua keadaan di mana pohon ini boleh digunakan dalam alam realiti dan ritual yang sifatnya adalah fungsional. Dalam konteks ritual, maka semua cerita mengenai penciptaan dapat dikeluarkan kerana isi cerita tersebut diperoleh daripada hubungan secara ghaib daripada makhluk yang menguasai bumi. Cerita-cerita ini selalunya hadir daripada mimpi dan penglihatan secara terus secara “*flashback*.“ Terdapat banyak kepercayaan daripada cerita mitos yang dimiliki oleh bangsa lain di dunia. Malah masyarakat Kadazandusun juga mempunyai cerita yang istimewa terhadap pokok. Pokok nunuk ragang dianggap pokok mulia bagi masyarakat Kadazan dusun kerana menceritakan mengenai asal-usul masyarakat ini (Low Kok On 2005: 191).

Jika diamati konsep kepercayaan mengenai pokok adalah suatu pandangan yang lazim berlaku bagi kebanyakan cerita mitos dalam versi yang berbeza. Peranan pokok paluon dikenal pasti dalam keseluruhan pohnnya sebagai sumber kepercayaan. Jika diteliti, kesemua peranan tersebut memperagakan aksi pengubatan, membuang sial, terkena sihir dan dijadikan keperluan asas yang berpengaruh. Fasa-fasa serba guna ini telah menimbulkan pemikiran untuk mengetahui bagaimana dunia dijadikan dan bagaimanakah kewujudan sesuatu peristiwa. Isi cerita mitos inilah yang telah mengembangkan cerita mengenai penciptaan dalam kalangan masyarakat Murut di Nabawan. Peranan penceritaan sedemikian telah mengubah plot pengenalan penciptaan masyarakat Murut lebih mempunyai prolog yang menarik.

#### KEPERCAYAAN MITOS “ANGKAPIO”

Mitos *angkapiro* mengasaskan kepercayaan bahawa binatang dan tumbuhan yang mempunyai semangat

magis. Walaupun mitos ini terdapat gejala seolah-olah manusia tunduk terhadap alam dan mengaburkan bahawa manusia sebagai ciptaan yang sempurna. Namun mitos *angkapiro* ini memberi gambaran akan sifat manusia yang sesungguhnya adalah saling bergantung kepada alam untuk melindungi kehidupan mereka. Ahli antropologi Barat telah menamakan kepercayaan terhadap “*mother nature*” (alam semula jadi) sebagai “*omenisme*”. *Omenisme* merupakan kepercayaan yang percaya kepada kuasa semangat alam.

Dalam perspektif ini pula, terdapat anggapan bahawa setiap yang bakal berlaku boleh dirujuk kepada petanda *angkapiro* di sekeliling mereka. *Angkapiro* selalunya membawa petanda seperti didatangi oleh binatang-binatang yang dianggap mempunyai hubungan dengan dunia alam ghaib. Keyakinan terhadap kuasa hutan dirujuk kepada binatang dan tumbuhan yang dikenali sebagai tindakan *angkapiro*. *Angkapiro* merujuk kepada kata dasar dalam bahasa Murut Paluan “*kapiro*” yang bermaksud benar atau betul dan menyokong firasat yang mempercayainya. Makna dan maksud sedemikian mentafsirkan sesuatu yang dipercayai dan diselidiki dengan sangat teliti melalui deria mata dan telinga manusia. *Angkapiro* adalah maklumat yang dibawa oleh tumbuhan dan binatang dan mengandungi pesan kepada manusia agar tidak terjerat dalam keputusan jahat alam ghaib yang mampu mengubah nasib seseorang.

Hutan merupakan nadi kepada kehidupan masyarakat Murut Paluan sehingga hari ini. Pemburuan dan pertanian masih dijalankan bagi menyara kehidupan yang masih lambat dijemput pembangunan. Sehubungan itu, hutan dalam Murut Paluan sangat penting kerana digunakan sebagai medium untuk memahami alam. Selain itu, manusia pula sebagai medium yang mengaktifkan kuasa-kuasa yang tidak kelihatan dan digunakan

demi kepentingan mereka. Terdapat syarat yang ditetapkan jika mereka ingin menghuni sesuatu kawasan yang baru dibuka untuk pertanian. Mereka banyak berpandukan kepada isyarat alam untuk mendapatkan mesej agar tempat berkenaan adalah sesuai untuk mengembangkan budaya mereka. Berdasarkan kepada ekologi alam ini mereka membentuk kepercayaan yang unik dan melalui proses adaptasi yang kompleks. Dalam konteks ini hubungan alam dan manusia adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan yang menegakkan adat dan peraturan dalam kehidupan mereka. Kedekatan mereka terhadap alam boleh digambarkan dalam peribahasa Murut Paluan. Teka-teki Murut Paluan terbahagi kepada dua yang dipanggil gimbaan dan naumoh sebagai memberi nilai usia kepada teka-teki tersebut (temu bual: Karimon Lumaing 2019).

**Kono gimbaan** [Hutan tua]- Seseorang banyak pengalaman/ teka-teki lama.

**Kono naumoh** [Hutan muda]- Seseorang yang belum matang/ teka-teki terbaru.

Teka-teki Murut Paluan ini sebagai memberi nilai usia kepada teka-teki tersebut. Mereka percaya bahawa hutan tua lebih menyimpan banyak kisah, banyak roh dan semangat. Hutan tua juga dilambangkan sebagai pengetahuan yang hebat, tebal dan cekap pada seseorang mengenai dunia tradisi (temu bual: Muskin Ugau 2018). Sebaliknya hutan muda dilambangkan sebagai “generasi baru” generasi yang dilambangkan “sakot” atau sisa lalu. Ada juga pepatah Murut Paluan menyatakan “*Bulin naumoh suku sumauk ra gimbaan*”, “simpan hutan muda sehingga menjadi hutan tua.” Ungkapan ini membawa maksud ibu bapa wajib menjaga anak mereka sehingga menjadi hutan tua yang berguna. Mereka perlu menjadi pemburu, peneroka kepada hutan mereka sendiri dan pengembara dalam

hutan tersebut. Pemikiran ini jelas menunjukkan keakraban dan penguasaan kebijaksanaan mereka mengenai hutan. Terminologi hutan jelas sekali menggambarkan terdapatnya pokok-pokok yang dijadikan tempat kediaman alam ghaib.

Konotasi lain yang dapat dicerminkan mengenai kehidupan masyarakat Murut ialah pemberian hutan daripada perutnya sehingga ke hari ini. Hutan merupakan elemen penting untuk melihat magis berfungsi bagi memberikan kesan dalam keperluan mereka. Semasa melakukan aktiviti berburu, menuba dan mendapatkan hasil hutan beberapa perkara perlu diambil kira untuk mengelakkan malapetaka dan kerugian. Sikap menghormati hutan adalah dicetuskan daripada kepercayaan akan kuasa semangat yang terdapat dalam hutan. Prinsip hubungan manusia dengan hutan adalah saling menjaga sikap dan tingkah laku serta mempunyai rasa hormat terhadap penghuni hutan. Kepercayaan ini dapat dilihat dalam kepercayaan *angkapio*. Kepercayaan ini adalah magis berdasarkan mitos kosmologi bahawa binatang-binatang dan tumbuhan yang memberi khabar dan isyarat.

Oleh itu, masyarakat Murut percaya bahawa tumbuhan mampu memberikan suara untuk menyatakan bahawa kehadiran seorang manusia di tempat tersebut akan mengalami nasib yang baik atau sebaliknya. Justeru yang pertama perlu dilakukan dalam pemburuan adalah menghormati hutan agar mereka mampu peka terhadap isyarat hutan. Sikap hormat sedemikian tidak akan menutup deria mereka kerana semangat yang ada dalam hutan memberikan kerjasama. Sebaliknya jika mereka datang dengan kelakuan yang tidak hormat, mereka akan menerima kesan kemurkaan semangat seperti mereka tidak mampu mendengar dan melihat isyarat alam. Keadaan ini dapat disaksikan dengan melihat gejala hutan pada jadual di bawah sebagai rujukan masyarakat untuk membuka sesuatu kawasan.

JADUAL 1. Mitos *Angkapio* Berdasarkan Tumbuhan.

Binatang/Tumbuhan/ Unsur bumi	Gejala	<i>Angkapio</i>
Pokok	Tumbang dan jatuh tiba-tiba	Jika ingin membuka sesuatu kawasan bagi tujuan membuat rumah atau pertanian. Angin tidak bertiup dan hujan tidak turun. Tiada sokongan alam lain yang boleh menyebabkan pokok tumbang. Kawasan tersebut tidak digalakkkan untuk membuat rumah atau menanam tanaman. Petanda tersebut menandakan kawasan tersebut sudah diduduki oleh alam ghaib. Jika diduduki perlu dilakukan pemujaan dan meminta izin. Jika ini tidak dilakukan maka tempat tersebut tidak akan terlepas daripada bencana alam lain seperti banjir, kemarau dan makanan sukar dicari kerana manusia menceroboh tempat tinggal semangat hutan yang menjaga kawasan tersebut.
	Pokok tumbang ketika berada di dalam rumah	Memberikan petanda tidak baik seperti terdapatnya penyakit akan datang dan tetamu yang mendatangi rumah akan mengambil isi rumah tersebut

Sumber: Informan temu bual: Karimon Lumaing (2019)

Kepercayaan mengenai kuasa hutan ini adalah mitos yang memberikan magis berakibat yang dianggap benar dan berkesan. Hubungan ini juga memberikan tanggapan bahawa hutan mempunyai banyak tempat yang suci sehingga tidak boleh dipandang rendah. Sesetengah pemburu perlu membakar api untuk menghindarkan mereka daripada digangu makhluk ghaib dalam hutan yang mendatangkan kemalangan, penyakit dan menghambat pencarian binatang buruan mereka. Beberapa izin dan ritual magis perlu dibaca untuk menjamin keselamatan mereka semasa berada di dalam hutan. Pokok yang selalu menjadi tempat tinggal makhluk-makhluk ini ialah pokok paling

besar di kawasan tersebut dan mempunyai akar di luar. Pokok ini dikenali sebagai pohon ara.

Selain itu, pentingnya pesanan hutan ini mencetuskan rasa tanggungjawab yang dalam terhadap masyarakat Murut Paluan. Fungsi dan peranan hutan telah mewujudkan kehidupan yang harmoni dan mengekalkan pandangan hidup yang telah memelihara nilai tradisi dan kepercayaan masyarakat Murut Paluan. Hutan memberikan manifestasi kesan kebergantungan manusia terhadap hutan. Unsur magis dan sakral dalam hutan telah membentuk ciri, sistem nilai dan etos yang jelas dan merupakan konstruksi yang penting dalam membina kepercayaan masyarakat silam.

JADUAL 2. Pantang larang berdasarkan Tumbuhan

Binatang/Tumbuhan/ Unsur bumi	Gejala	Pantang Larang
Pokok	Pokok ditebang	Jika hari ini ditebang dan tidak siap keesokan harinya perlulah disambung kerana sunsuyon nu palaki (akan diseberangi oleh sejenis binatang bernama palaki) jika binatang ini menyusur di kawasan tersebut terdapat dua keadaan akan berlaku iaitu tempat tersebut tidak mendatangkan makanan atau rezeki dan kawasan tersebut tidak akan terbakar jika dibakar (Informan temu bual: Karimon Lumaing 2020).
Padi	Menanam padi	Jika padi tersebut dimakan oleh orang yang bukan pertama memakan padi tersebut pada masa akan datang padi itu tidak akan berbuah atau berlaku pengurangan. Padi tersebut perlulah ditumbuk, diambil berasnya, ambil panaa (alat untuk menebang), batu dan parang dan peralatan tersebut terlebih dahulu perlu diberi makan. Cara memberi makan dengan bacaan tertentu. Setelah itu, ambil jerami padi, tangkai padi, kulit jagung dan lipat menjadikannya tujuh dan ikat di depan pintu dan beberapa ayat disebutkan.“Ginoh ngah buwou nu bilor mai tili” (Itulah hasil kami menghalau pipit selama ini) (Informan temu bual: Karimon Lumaing 2020).
Padi, ubi kayu, jagung, buah-buahan dan tanaman lain	Tidak boleh dimakan orang kedua.	Jika tempat tersebut pertama kali dibuka dan ditanam penting orang lain tidak boleh memakan hasil tanaman yang diusahakan tuan empunya tersebut kerana bimbang tanaman tersebut tidak berbuah. Selain itu, orang kedua yang memakan makanan daripada penanam pertama juga menyebabkan mereka akan mengalami kemerosotan perkembangan keluarga (Informan temu bual: Muskin Ugau 2019).
Tuba		Tuba tidak boleh dibawa dalam kedudukan di hadapan sekali dalam perjalanan kerana jika dibawa dalam kedudukan di hadapan sekali tuba tersebut akan hilang bisanya dan tidak dapat memabukkan dan mematikan ikan. Ini kerana akar tuba jika dibawa mendahului orang lain akan kembali ke pucuk tuba iaitu yang berada dalam kedudukan paling hadapan dalam struktur tumbuhan tersebut [Informan: Muskin Ugau, (2019)].

Sumber: Informan temu bual: Karimon Lumaing (2019)

Informan temu bual: Muskin Ugau (2019)

#### TUMBUHAN DALAM PENGUBATAN TRADISIONAL

Fenomena magis tumbuhan turut terpancar dan berpengaruh dalam aktiviti pengubatan masyarakat Murut Paluan. Beberapa cerita mitos menceritakan bahawa ada beberapa tumbuhan memerlukan pemujaan magis untuk dijadikan bantuan kepada manusia bagi mengubati pesakit dalam pengubatan

tradisional seperti pengubatan *ambiak*. Dalam pengubatan *ambiak*, *babalian* menggunakan pengetahuan serta kepakaran yang ada dalam bidang keagamaannya untuk memuja semangat menggunakan “*Pusalog*” (cerita panjang yang diucapkan namun menjalankan fungsi sebagai mantera). *Pusalog* digunakan untuk memanggil para orang-orang kayangan yang tidak kelihatan

yang tinggal di setiap pelosok bumi. Makhluk kayangan tersebut seperti *buayoi nu olot* (pemuda di bukit), *buayoi nu sungoi ayo* (pemuda di sungai besar), dan *buayoi nu ulu* (pemuda di hulu sungai). Mereka melafazkan mantera sambil *animbaaul* (meminta) selama berhari-hari untuk memujuk semangat tidak meninggalkan pesakit atau para kayangan memulihkan semangat pesakit dan menghalau semangat tidak baik. Kerjasama yang dijalankan oleh *babalian* dan semangat baik telah menjadikan mereka sebagai individu yang luar biasa dan sangat dihormati oleh masyarakat sekelilingnya dan dikenali sebagai bomoh. Terdapat banyak tumbuhan yang digunakan dalam pengubatan ini yang dianggap tumbuh tidak secara kebetulan tetapi diletakkan oleh *Aki Kinapuno* di tempat-tempat tertentu untuk mengubati manusia yang sakit mengikut cerita mitos.

Menurut mitos Murut Paluan tumbuhan seperti *kalimbongo* merupakan tumbuhan yang digunakan para dewa-dewi untuk dijadikan sebagai tangkal. Tumbuhan ini merupakan tanaman yang banyak ditanam untuk menghalau makhluk jahat. Terdapat peringkat dalam pengubatan *ambiak* sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai *kalimbongo* akan diusap-usap pada badan pesakit, proses ini dikenali sebagai *amir ra kalimbongo*. Tumbuhan ini dipercayai dapat mengesan penyakit pesakit dan sebagai persediaan untuk mengeluarkan penyakit yang disebabkan oleh penyakit secara spiritual. *Kalimbongo* akan diusap pada semua bahagian badan pesakit seperti bahagian perut, belakang, kaki, tangan, kepala dan dahi pesakit. Ketika proses ini dijalankan ketua *Babalian* yang akan bertindak untuk mengendalikan proses ini diikuti dengan beberapa jampi. Selepas *amir ra kalimbongo* kemudian *Babalian* mula membacakan mantera *anginkiat* (berkawan) yang mengandungi maksud memanggil dengan semangat.



GAMBAR 1. *Kalimbongo* merupakan tumbuhan yang mengeluarkan bau yang dipercayai mampu menghalau semangat-semangat atau makhluk yang tidak baik

Sumber: Kajian Lapangan 2016.

Bunga pinang yang masih dalam kelopaknya akan diambil dan diusap daripada atas ke bawah secara perlahan-lahan dan dibacakan mantera sambil bernyanyi. Pinang ini digunakan untuk melihat keadaan pesakit sama ada boleh disembuhkan atau sebaliknya. Bunga pinang dikatakan telah menarik makhluk di langit kerana berbunga putih. Pada suatu hari seorang dewi dari langit sedang berjalan-jalan dan menggunakan bunga pinang di kepalanya. Seorang puteri kayangan bernama *Alamoi* bertanyakan di manakah dia memperoleh bunga cantik tersebut. Dewi Amalah telah menipu bahawa dia mendapatkan bunga itu di balik langit dan bunga pinang tersebut berubah menjadi berbengkang-bengkok, apabila dia memberitahu hal yang sebenar bunga pinang itu bertukar lurus. Mereka beranggapan bahawa bunga tersebut merupakan bunga dari syurga. Oleh itu, dalam pengubatan *ambiak* bunga pinang ini digunakan untuk mengetahui nasib pesakit adakah boleh disembuhkan atau tidak. Bunga pinang yang masih dalam kelopaknya akan diambil dan diusap daripada atas ke bawah secara perlahan-lahan dan dibacakan mantera sambil bernyanyi. Kelopak pinang yang diambil mestilah yang dipanjat dan dibawa turun oleh pemanjat pinang tersebut tanpa dijatuhkan ke bawah tanah. Menebang pinang untuk mendapatkan kelopak pinang tersebut akan membatalkan proses *ambiak*. Kecederaan pada kelopak pinang juga tidak akan diterima untuk digunakan semasa proses *amanai ra pusob* (Informan: Ganiam Tungkuyan 2018).



GAMBAR 2. *Pusob* (pinang) muda digunakan oleh *Babalian* Untuk melihat keadaan pesakit semasa *amanai ra pusob*  
Sumber: Kajian Lapangan 2016

Selain itu, *turunan* merupakan peralatan yang diletakkan di dalam *sayon* sebagai salah satu peralatan yang penting bagi seorang *babalian*. *Turuan* digunakan untuk menyimpan “batu hikmat” atau dikenali sebagai *babatu* yang kecil-kecil dan *kalimbongo babalian*. Mitos Murut Paluan mendedahkan bahawa tumbuhan buluh merupakan

antara senjata yang digunakan para kayangan untuk berperang. Terdapat cerita yang bertajuk Buayoi Talagon telah menggunakan buluh dalam peperangannya. Petir sambar menyambar dan dia telah menggosok buluh itu dan petir pun hilang. Buayoi Talagon juga telah pergi ke suatu bukit tinggi dan dia telah mencucukkan buluh tersebut di atas bukit kemudian buluh itu tumbuh dengan banyaknya. Sayang sekali kerana buluh yang Buayoi Talagon tanam tersebut tidak sesuai ditanam di bumi lalu menyebabkan berbulu dengan banyak (Informan temu bual: Ganiam Tungkuyan 2018).



GAMBAR 3. *Turunan* diperbuat daripada buluh bukit  
Sumber: Kajian Lapangan 2016

Alat ini diperbuat daripada batang buluh. Namun buluh yang digunakan bukanlah jenis buluh sembarang yang terdapat di bahagian tanah rata atau tebing sungai. Buluh yang digunakan diperoleh daripada sejenis buluh yang dipanggil *kawar* (singkatan kepada *awar* iaitu dalam bahasa Murut panjang). Jenis buluh ini cuma tumbuh dan didapati di bahagian bukit. Sub etnik Murut Paluan percaya berdasarkan nama buluh *kawar* tersebut maka orang yang diubati akan panjang umur dan boleh disembuhkan. *Babalian* boleh juga menggunakan *turunan* dalam pengubatan *ambutus* dengan meletakkan cebisan-cebisian tumbuhan *kalimbongo* kering ke dalamnya dan memusing-musingkan bahagian pangkal dan hujung *turunan* secara berlawanan agar tumbuhan *kalimbongo* yang dihaluskan jatuh ke badan pesakit. *Turunan* juga digunakan untuk *pirin* (diusap-usap) ke badan pesakit bagi tujuan membuang penyakit (*Babalian Aru* Ganiam Tungkuyan 2016). Terdapat banyak tumbuhan suci lain yang sangat signifikan dalam pengubatan tradisional masyarakat Murut Paluan. Oleh itu dapat diperhatikan setiap mitos yang berlegar-legar dalam kehidupan mereka mempunyai pautan dengan objek berguna yang mereka sentuh. Secara tidak langsung kehebatan mitos itu sendiri dapat diperhatikan dalam penonjolan tumbuhan yang dianggap suci ini (Informan temu bual: Ganiam Tungkuyan 2018).

## KESIMPULAN

Secara umumnya, tumbuhan suci dalam masyarakat Murut Paluan merupakan mitos yang masih digunakan sehingga hari ini. Kepercayaan terhadap bidang pengubatan dan adat masih lagi tidak dihapuskan kerana kewujudan institusi *Babalian*. Dimensi kepercayaan terus diamalkan dan dibiarkan berterusan dan menjadikan kepercayaan ini antik dan autentik. Walaupun masyarakat Murut Paluan positif terhadap perubahan namun sikap nilai hormat mereka masih menebal terhadap warisan lama. Kedudukan orang tua dalam susun lapis masyarakat sangat dihormati. Mereka memandang tinggi terhadap kebolehan orang tua yang mempunyai pengetahuan yang luar biasa dalam bidang keilmuan lama. Justeru itu, kepercayaan terhadap tumbuhan suci tidak diasingkan daripada pengetahuan masa kini dan menjadi kepercayaan yang silih berganti bergantung kepada keperluan dan keadaan.

Penerangan lazim diberi tentang kenapa kepercayaan-kepercayaan itu terus hidup kerana manusia perlu mengatasi krisis-krisis yang dihadapi dalam kehidupan sehari-hari dan dapat dilaksanakan, terutama daripada segi rohani dan jiwa. Krisis-krisis hidup ini boleh didapati dalam banyak faktor terutama pada zaman sekarang. Sementara itu, terdapat masyarakat Murut Paluan masih tinggal di kawasan yang belum terdedah sepenuhnya kepada pembangunan. Kebergantungan terhadap kepercayaan lama yang bersumberkan mitos telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Murut Paluan sehingga hari ini.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Badan. 1999. *Cerita Rakyat Suku Kaum Bajau Semporna, Sabah: Satu Analisis Citra Masyarakat*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Arena Wati. 1978. *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Yayasan Sabah.
- Branislaw, M. 1971. *Magic, Science and Religion and Other Essays*. The Free Press.
- Branislaw, M. 1971. *Myth Primitive Psychology*. New York: Negro Universities Press.
- Brewis, R. 1985. *Cerita Dongeng Sabah*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- Brooks, M. M. 1961. *Cherita-cherita Dongeng Dari Sabah*. Sarawak: Borneo Literature Bureau.
- Chong, B. S., ed. 1991. *Tales of Borneo*. Tanjung Malim: Pustaka San Ming.
- Cirlot, J. E. 1971. *A Dictionary of Symbols*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Comber, L. 1975. *Favourite Stories from Borneo*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) LTD.
- Eliade, M. 1972. *Shamanism, Teknik-teknik Kuno Khayal*. Bollingen: Princeton University Press.

- Evans, I. H. N. 1923. *Studies in Religion, Folklore and Custom in British North Borneo and Malay Peninsula*. London: Cambridge University Press.
- Gidah, M. E. 2001. *Archetypes in the Cosmogonic Myths of the Australian Aboriginal People and the Kadazandusun of Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Hanafi Hussin. 2003. Bombohizan dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan Daerah Penampang di Sabah. *JATI. Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya* 8: 15-40.
- Hanafi Hussin. 2005. Ritual padi komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah. *JATI. Journal of Department of Southeast Asian Studies. University of Malaya* 10: 171.
- Hanafi Hussin. 2006. Seni persesembahan sebagai perkakasan Ritual perubatan: Paluan gandang dan Tarian Sumazau dalam ritual Monogit oleh Kadazan Penampang di Sabah. *JATI. Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya* 11: 1-9.
- Hurlbut, Hope. 1986. Traditional beliefs of the eastern Labuk Kadazan people. *Sabah Museum and Archives Journal* 1: 114, 115 & 170.
- Ivan Stenski. 1992. *Malinowski and the Work of Myth*. New Jersey: Princeton University Press.
- Jabatan Perangkaan Sabah. 2019. *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2018*. Kota Kinabalu: Nasional Malaysia Berhad.
- Jacinta Tangil. 2001. Puisi Tradisional Kadazandusun: Satu Gambaran Kepercayaan. Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- King, J. W. and King, J. K., eds. 1990. *Sungai/Tombonuwo Folk Tales*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Kitab Kejadian 2: 27.
- Kitab Kejadian 3: 22-24.
- Lasimbang, R. 1990. *Pulau Tikus & ILugodingon Om IKookodu*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Lasimbang, R. 1999. *Kadazan Folklore*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Leong, C. 1982. *Sabah: The First 100 Years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nanyang Muda.
- Low Kok On. 2005. *Membaca Mitos dan Legenda Kadazan Dusun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marlenny Deenerwan. 2014. *Bobolian: Seni teater etnik Dusun*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Marsh, I. O., ed. 1988. *Tales and Tradition from Sabah*. Kota Kinabalu: The Sabah Society.
- Mohd. Nor Long. 1978. *Cerita Rakyat Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddaf Hanafiah. 2015. Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi - Malaysian Journal of Communication* 31(2): 15-32.
- Moody, D. C., ed. 1993. *Cerita Dongeng Ida'an*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- Musnini Misdihi. 2017. Gerak tari dalam perubatan tradisi Barasik masyarakat Bisaya di Beaufort, Sabah. *Gendang Alam* 7: 152-165.
- Nygren, Mariann. 1991. *Tagal Murut Folk Tales*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Rutter, O. 1922. *The Pagans of North Borneo*. New York: Oxford University Press.
- Tjilik Riwut. 1993. *Kalimantan Membangun Alam dan Kebudayaan*. Yogyakarta: PT Tiara Wacana Yogyakarta.
- Whelan, F.G. 1970. *A History of Sabah*. Kuala Lumpur and Singapore: Macmillan.
- William, T. R. 1969. *A Borneo Childhood: Enculturation in Dusun Society*. London: Holt, Rinehart and Winston.
- Williams, T. R. 1960. A Tambunan Dusun origin myth. *JMBRAS* xxxiii. May.
- Williams, T. R. 1965. *The Dusun: A North Borneo Society*. London: Holt, Rinehart & Winston.
- Informan.
- Karimon Lumaing. 2019. Kosmologi Murut Paluan Sabah. Temu bual 18 September.
2019. *Angkapio & Cerita mitos*. Sabah. Temu bual 18 Mac.
2020. Kosmologi Murut Paluan Sabah. Temu bual 17 Oktober.
- Azman Lungkung. 2019. Kosmologi Murut Paluan. Temu bual 18 September.
- Ganiam Tungkuyan. 2016. *Babalian* dan peranan, Sabah. Temu bual 20 Januari.
2018. *Babalian* dan peranan, Sabah. Temu bual 20 Mei.
- Muskin Ugau. 2019. *Angkapio & Cerita mitos*. Sabah. Temu bual 20 Januari.
2018. *Angkapio & Cerita mitos*. Sabah. Temu bual 18 Mac.

Jacquelina Karimon  
Pusat Pengajaran Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan  
Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E.  
E-mel: acqlindejj\_89@yahoo.com

Shaiful Bahri Mohd.Radzi (Ph.D)  
Pusat Pengajaran Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan  
Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E  
E-mel: sbmr@ukm.my